

## **TERMA DAN SYARAT**

### **Penganjur & Kelayakan**

1. Peraduan **“Wave & Menang”** [**“Peraduan”**] ini dianjurkan bersama oleh 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd (No Pendaftaran: 198401008445 (120962-P)) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd (No. Syarikat: 2000801035403 (836743-D)) (PayNet) [dirujuk secara kolektif sebagai **“Pihak Penganjur”**].
2. Peraduan ini terbuka kepada semua pemegang kad Mesin Pengeluaran Wang Automatik [**“ATM”**] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang menawarkan servis MyDebit di Malaysia. Pemegang kad ATM MyDebit tersebut mestilah penduduk tetap di Malaysia atau warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah semasa Tempoh Peraduan [**“Peserta”**]. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta mengakui bahawa Peraduan ini tidak sama sekali ditaja, disokong, atau ditadbir oleh, atau dikaitkan dengan Samsung, Dyson dan/atau sebarang jenama lain, melainkan dinyatakan sebaliknya.
3. Peserta juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia dan akaun tersebut mesti aktif dengan kedudukan kewangan yang baik dan tidak dorman sepanjang Tempoh Peraduan sehingga selesai penebusan hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
  - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - Wakil, kakitangan dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

### **Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan**

1. Peraduan ini akan bermula dari **23 Ogos 2021 hingga 22 November 2021 jam 11:59PM** Waktu Malaysia)[**“Tempoh Peraduan”**].
2. Penyertaan Peraduan yang diterima di luar Tempoh Peraduan adalah tidak sah dan akan dibatalkan.
3. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, melanjutkan atau menamatkan Peraduan ini dengan notis.
4. Bagi penyerahan penyertaan bulanan, Pihak Penganjur mesti menerima penyerahan penyertaan sebelum atau pada 11:59PM (waktu Malaysia) hari terakhir bagi setiap Tempoh Bulanan seperti yang dijadualkan di bawah. Hanya penyertaan dengan resit transaksi yang menggunakan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran akan diterima sebagai penyertaan sah untuk Peraduan ini. Slip transaksi yang telah digunakan tersebut tidak sah untuk penyerahan bagi bulan seterusnya. Sebagai contoh, slip transaksi bertarikh 23 Ogos 2021 (Bulan 1 bagi Tempoh Bulanan) mesti dihantar pada atau sebelum 22 September 2021 jam 11:59PM (Waktu Malaysia).

### **Jadual Bulanan (“Tempoh Bulanan”)**

- **Bulan 1: 23 Ogos 2021, 12:00AM – 22 September 2021, 11:59PM;**
- **Bulan 2: 23 September 2021, 12:00AM – 22 Oktober 2021, 11:59PM;**
- **Bulan 3: 23 Oktober 2021, 12:00AM – 22 November 2021, 11:59PM.**

5. Pembelian minimum bernilai RM25.00 dan ke atas (tidak termasuk tambah nilai, kad hadiah, pembayaran bil, perkhidmatan kewangan, tembakau dan produk berkaitan tembakau) di mana-mana cawangan 7-Eleven Malaysia dengan penggunaan kad ATM MyDebit sebagai kaedah pembayaran yang dibuat dalam Tempoh Peraduan (dengan resit yang jelas dicetak dan transaksi yang berjaya) [**“Bukti Pembelian”**] akan diperuntukan satu nombor siri berhak dianggap sebagai Satu (1) penyertaan yang sah. Peserta yang terpilih sebagai pemenang [**“Pemenang”**] adalah dikehendaki untuk mengemukakan Bukti Pembelian (asal) sebelum penebusan hadiah boleh disempurnakan. Kegagalan membuat sedemikian akan mengakibatkan pembatalan kemenangan hadiah yang dimenangi oleh Pemenang tersebut. Nota: Nombor siri adalah untuk rujukan Pihak Penganjur dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta.
6. Hanya gambar Bukti Pembelian yang jelas yang menunjukkan produk, nombor resit, tarikh pembelian, nilai pembelian, nama kedai, lokasi cawangan dan butiran pembayaran MyDebit akan diterima. Tiada pemindaan terhadap Bukti Pembelian dalam apa-apa jua bentuk atau cara dibenarkan.

### **Cara Penyertaan**

1. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan di mana-mana cawangan 7-Eleven Malaysia. Penyertaan mesti dihantar melalui cara berikut:

#### **Cara Penyertaan : Pengimbasan Kod QR**

- **Setiap penyertaan yang lengkap mesti** mengandungi maklumat berikut, kegagalan untuk memastikannya akan menyebabkan penyertaan hilang kelayakan secara automatik tanpa notis:
    - i. Ambil gambar Bukti Pembelian yang jelas dan simpan Bukti Pembelian (Asal);
    - ii. Imbas kod QR di mana-mana cawangan 7-Eleven Malaysia atau saluran komunikasi rasmi lain;
    - iii. Lampirkan sekali gambar Bukti Pembelian, isikan butiran-butiran seperti nama penuh, nombor kad pengenalan (MyKad), nombor telefon, alamat emel, nombor resit, alamat surat-menyurat, negeri/lokasi pembelian dan jawab soalan Peraduan dengan betul.
    - iv. Tekan “Hantar” untuk menghantar penyertaan anda.
  - Dengan menghantar penyertaan di dalam Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju dengan notis privasi yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat di dalam ini.
2. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan. Setiap SATU (1) Bukti Pembelian dengan pembelian minimum RM25 dan ke atas (tidak termasuk tambah nilai, kad hadiah, pembayaran bil, perkhidmatan kewangan, tembakau dan produk berkaitan tembakau) dibuat dengan menggunakan kad ATM MyDebit adalah layak sebagai SATU (1) penyertaan tanpa mengira jumlah yang dibelanjakan. Setiap Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja. Penyertaan Peserta akan hilang kelayakan sekiranya Bukti Pembelian yang sama digunakan lebih daripada SATU (1) kali.
  3. Setiap Peserta dan/atau Pemenang hanya layak untuk memenangi maksimum SATU (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan (23 Ogos 2021 sehingga 22 November 2021).

4. Pemenang mesti menuntut hadiah mereka pada tarikh tertentu yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur atau dalam tempoh LAPAN (8) minggu setelah dimaklumkan oleh Pihak Penganjur (melalui emel atau sebarang saluran komunikasi lain), kecuali diberitahu sebaliknya. Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka, Pihak Penganjur berhak untuk melupuskan hadiah dan memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain. Pemenang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah dan Bukti Pembelian (asal) untuk menebus/menerima hadiah mereka.

### **Pemilihan Pemenang**

1. Pemenang yang disenarai pendek akan dipilih selepas tamatnya setiap Tempoh Bulanan. Pemenang yang layak akan disenarai pendek melalui sistem pemilihan automatik berdasarkan kepada jumlah penyertaan yang layak mengikut setiap Tempoh Bulanan [**"Pemenang yang Disenarai Pendek"**]. Kaedah/sistem yang akan digunakan bagi proses senarai pendek adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
2. Peserta boleh menghantar lebih daripada SATU (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan perlu dilengkapkan mengikut terma dan syarat-syarat berkenaan dengan Cara Penyertaan seperti yang dinyatakan di dalam ini.
3. Semua Pemenang yang Disenarai Pendek akan dihubungi melalui emel dan/atau Sistem Mesej Pesanan Ringkas (SMS) berdasarkan maklumat hubungan yang dibekalkan semasa proses penyerahan penyertaan. Satu soalan Peraduan yang ringkas akan dikemukakan semasa proses penyerahan. Pemenang yang Disenarai Pendek dikehendaki menjawab soalan dengan betul bagi melayakkan untuk memenangi hadiah. Sekiranya Pemenang yang Disenarai Pendek tidak dapat dihubungi (melalui emel atau sebarang kaedah komunikasi yang lain), atau gagal menjawab soalan dengan betul semasa proses penyerahan, Pihak Penganjur berhak memilih Pemenang seterusnya yang berjaya menjawab soalan dengan tepat dan mempunyai penyertaan lengkap sebagai Pemenang.
4. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berkenaan dengan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan Pemenang, hadiah dan pelucutan hak hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan Pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria yang ditetapkan dan ditentukan mengikut budi bicara mutlak Pihak Penganjur.
5. Pemenang akan diumumkan/dipaparkan di Laman Facebook Rasmi 7-Eleven Malaysia, dalam tempoh EMPAT (4) minggu selepas berakhirnya Tempoh Bulanan.

### **Hadiah & Penebusan**

<b>Jenis</b>	<b>Hadiah</b>	<b>Bilangan Pemenang Bulanan</b>	<b>Jumlah Pemenang Peraduan</b>
Hadiah Utama	RM70,000 wang tunai (akan dikreditkan terus ke akaun Pemenang)	1	3
Hadiah Pertama	RM10,000 wang tunai (akan dikreditkan terus ke akaun Pemenang)	3	9
Hadiah Kedua	Samsung Galaxy S21+ 5G	3	9
Hadiah Ketiga	<i>Dyson Airwrap™ Styler Complete</i>	6	18
Hadiah Sagu Hati	My7E™ Baucar e-Tunai bernilai RM1,000 setiap satu (Setiap Baucar e-Tunai akan mempunyai nilai RM50 dengan tempoh sah 2 bulan dari tarikh pengeluaran)	20	60

- Sejumlah Sembilan Puluh Sembilan (99) hadiah untuk dimenangi.
1. Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa bahan promosi, pengiklanan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin tidak menggambarkan hadiah sebenar.
  2. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir hadiah atau apa-apa keadaan di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana penjual atau pembekal pihak ketiga.
  3. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi penebusan hadiah yang telah ditentukan kepada tarikh dan tempat yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.
  4. Kecuali dinyatakan sebaliknya, hadiah perlulah ditebus/diambil sendiri di pejabat Pihak Penganjur di Tingkat 1, Blok Podium, Plaza Berjaya, No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, selewat-lewatnya LAPAN (8) minggu selepas pengumuman pemenang telah dilaksanakan atau dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dimaklumkan oleh Pihak Penganjur.
  5. Sekiranya Pihak Penganjur mengadakan upacara penyampaian hadiah, Pemenang dikehendaki menghadirinya atas kos dan perbelanjaan sendiri untuk mengambil hadiah. Sekiranya Pemenang tidak dapat menghadiri upacara pemberian hadiah tersebut, Pemenang mesti mencalonkan seorang wakil untuk menghadiri upacara pemberian hadiah tersebut untuk menerima hadiah bagi pihaknya, jika tidak, Pihak Penganjur akan memilih semula Pemenang mengikut budi bicara mutlakny.

6. Peserta dan/atau Pemenang yang layak adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan akibat daripada atau yang timbul daripada penyertaan mereka dalam Peraduan, penggunaan hadiah mereka dan/atau pengambilan hadiah mereka.
7. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penghantaran hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.
8. Penebusan hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan hadiah yang mana Pihak Penganjur akan memaklumkan kepada Pemenang dari semasa ke semasa.
9. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan Pemenang dan hadiah adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyerurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan daripada Peserta tidak akan dilayan.
10. Pemenang yang Disenarai Pendek akan dihubungi oleh Pihak Penganjur berdasarkan maklumat hubungan yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
11. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit, barangan lain, atau baucar sebahagian atau keseluruhannya (jika berkaitan). Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah yang diiklankan dengan hadiah yang sama nilai, . Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan berkenaan dengan hadiah atau penyalahgunaan hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.
12. Peserta/Pemenang dikehendaki mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah semasa atau sebelum penebusan hadiah untuk tujuan pengesahan. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak akan dianggap tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan daripada Peraduan ini.
13. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik.
14. Semua Pemenang mesti menuntut hadiah mereka daripada Pihak Penganjur dalam tempoh yang ditetapkan seperti yang dimaklumkan oleh Pihak Penganjur (melalui emel atau mana-mana saluran komunikasi yang lain) selepas tamat Tempoh Peraduan. Sekiranya Pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah dan memberikan hadiah tersebut kepada Pemenang lain atas budi bicara mutlaknyanya. Pemenang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah dan Bukti Pembelian (asal) untuk menebus/mengambil hadiah mereka.
15. Pemenang yang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka mesti memastikan bahawa wakil mereka mengemukakan surat wakil kebenaran yang dikeluarkan oleh Pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri Pemenang dan wakilnya.

16. Pihak Penganjur ingin memberi peringatan kepada Peserta untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi semasa dan/atau selepas Peraduan. Pihak Penganjur juga ingin menasihatkan para Peserta untuk menghubungi Pihak Penganjur untuk pengesahan mengenai Peraduan ini.

#### **Hak Pihak Penganjur**

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menyiarkan dan menggunakan nama-nama dan gambar-gambar Peserta/Pemenang bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan/atau apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu atau pampasan kepada Peserta/Pemenang. Peserta/Pemenang adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
2. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak boleh diteruskan seperti yang dirancang atas (dan tidak terhad kepada) sebab seperti virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan Pihak Penganjur, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknyanya, untuk membatalkan, menunda, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini dengan memberi notis terlebih dahulu.
3. Pihak Penganjur mengikut budi bicara mutlaknyanya, boleh me dan/atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan jika didapati (atas budi bicara mutlak Pihak Penganjur) atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan proses penyertaan Peraduan ini, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat-Syarat Peraduan ini.
4. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat Peraduan ini dengan notis.
5. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, sebarang arahan atau kaedah Peraduan seperti yang dinyatakan di (<https://www.7eleven.com.my/contests>) atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta bagi penyertaannya dalam Peraduan ini.
6. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, terma dan syarat yang terkandung di <https://www.7eleven.com.my/contests> akan diguna pakai.
7. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Malaysia, terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
8. Dengan menyertai Peraduan, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta bagi tujuan Peraduan ini.
9. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau menerima apa-apa manfaat atau hadiah daripada Peraduan ini) adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang/Peserta. Pihak Penganjur, sekutunya, atau ejen yang diberi kuasa tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang tersebut.

10. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur, sekutunya dan pihak ketiga yang diberi kuasa tidak akan menerima sebarang liabiliti bagi penyertaan tidak terhad kepada untuk penyertaan yang hilang, rosak, lewat atau atas sebarang kesilapan teknikal.

### **Liabiliti dan Tanggungjawab**

1. Peserta dan Pemenang akan menanggung sepenuhnya liabiliti dan bertanggungjawab bagi apa-apa liabiliti yang terjadi akibat daripada kecuaiian atau perbuatan sengaja yang disebabkan oleh penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan hadiah, Peserta dan Pemenang bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan daripada liabiliti tersebut.
2. Pihak Penganjur, syarikat-syarikat berkaitan dan sekutunya dan ejen-ejenya dan syarikat yang berkaitan dengan Peraduan menolak sebarang dan semua liabiliti yang timbul daripada Peraduan dan tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi sebarang kerugian (termasuk, tidak terhad kepada, kerugian tidak langsung, khas atau yang berkaitan atau kehilangan keuntungan), perbelanjaan, kerosakan, kecederaan diri atau kematian yang ditanggung atau dihadapi (sama ada timbul daripada sebarang kecuaiian seseorang) akibat daripada sebarang penyertaan Peserta dalam Peraduan, penebusan dan/atau penggunaan hadiah, melainkan sebarang liabiliti yang tidak dapat dikecualikan oleh undang-undang (dalam keadaan di mana liabiliti adalah terhad kepada semimum yang dibenarkan oleh undang-undang).
3. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Peraduan ini dan semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur.
4. Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

### **Notis Privasi**

1. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir peribadi lain **["Data Peribadi"]** bagi tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau gambar Peserta di laman web Pihak Penganjur bagi tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Pihak Penganjur bagi tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilihan Pemenang (sekiranya ada).
3. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan, Peserta juga memberi persetujuan dan kebenaran mereka kepada Pihak Penganjur yang menggunakan servis pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana institusi kewangan untuk memproses Data Peribadi Peserta dan penyertaan. Semua pihak ketiga tersebut adalah diwajibkan secara kontrak untuk tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain daripada cara yang dinyatakan di dalam ini.

4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
  - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Pihak Penganjur pada alamat kontak yang dinyatakan di bawah dengan membekalkan kepada Pihak Penganjur dengan nama dan alamat emel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dipegang oleh Pihak Penganjur; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Peserta boleh merujuk kepada laman web Pihak Penganjur di (<https://www.7eleven.com.my/contests>) atau hantar emel kepada Pihak Penganjur di ([enquiry@7eleven.com.my](mailto:enquiry@7eleven.com.my)) bagi sebarang maklumat berkenaan dengan perlindungan data atau hak undang-undang.
6. Data Peribadi Peserta mungkin boleh dipindahkan ke suatu tempat di luar Malaysia. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi Peserta adalah selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang terpakai di Malaysia.

**[TAMAT]**